

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]
TARIKH : 26 NOVEMBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik kemalangan jalan raya dan menjelaskan punca-puncunya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2017, seramai 6,740 orang terkorban akibat kemalangan jalan raya iaitu pengurangan sebanyak 5.76% berbanding jumlah kematian yang telah direkodkan pada tahun 2016 iaitu sebanyak 7,152. Statistik kemalangan setakat bulan Jun 2018 melibatkan korban nahas jalan raya adalah seramai 3,279.
2. Berdasarkan perbandingan dengan statistik angka korban yang direkodkan sehingga bulan Jun tahun lalu iaitu seramai 3,332, terdapat pengurangan sebanyak 53 kematian atau bersamaan 1.59%. Namun, berlaku peningkatan sebanyak 4.11% atau 86 penunggang/pembonceng motosikal yang terkorban akibat kemalangan jalan raya berbanding bulan Jun tahun lalu.
3. Bilangan pemandu motokar yang terkorban akibat kemalangan jalan raya pada tahun 2017 mencatatkan angka sebanyak 1,269 manakala bilangan penunggang motosikal yang terkorban adalah sebanyak 4,348 iaitu 64.5% daripada jumlah keseluruhan angka korban.

4. Punca-punca berlakunya kemalangan maut di jalan raya bagi tahun 2016 dan 2017 dijelaskan berdasarkan tiga (3) kesalahan utama iaitu memandu laju, memandu secara cuai dan membelok secara merbahaya.
5. Kesalahan-kesalahan utama yang dilakukan oleh penunggang motosikal sehingga menyebabkan kemalangan pada tahun 2016 ialah tidak mengikut lampu isyarat serta mengekori dan membelok secara merbahaya. Bagi tahun 2017 pula ialah menunggang dengan laju, membelok secara merbahaya dan memotong secara merbahaya.
6. Punca-punca utama kemalangan jalan raya pada setiap tahun yang disebabkan oleh kerosakan mekanikal kenderaan adalah kegagalan fungsi brek, asap berlebihan dan tayar botak. Manakala punca-punca utama kemalangan jalan raya pada setiap tahun yang melibatkan pejalan kaki pula adalah disebabkan cuai melintas jalan serta berjalan dan bermain di jalan raya.
7. Kementerian amat komited melaksanakan penguatkuasaan berterusan secara tegas dan menjalankan program advokasi keselamatan jalan raya di seluruh negara dengan harapan agar jumlah kemalangan

terutamanya angka kematian akibat kemalangan jalan raya dapat terus dikurangkan setiap tahun.

Diselaraskan oleh :

PSU(PJ)1

Disemak oleh:

KPSU(PJ)

Diperaku oleh:

TSUB(PD)

Dipersetujui oleh:

SUB(LPD)

